

24 FEB 2002

Mahathir-Pengganas

MALAYSIA TUMPU USAHA BURU PENGGANAS, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Zaharah Othman

LONDON, 24 Feb (Bernama) -- Malaysia tidak bersetuju mana-mana negara dituduh sebagai negara pengganas dan sebaliknya mahu usaha ditumpukan dalam memburu pengganas dan bukannya menyerang negara pengganas itu.

Inilah pendirian Malaysia yang akan dijelaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada rakan sejawatannya di Britain Tony Blair dalam pertemuan mereka di Downing Street esok.

"Ini pendirian kita dan berharap tindakan yang kita ambil tidak akan menimbulkan perasaan marah di kalangan orang-orang Islam," tegas Dr Mahathir semasa pertemuan dengan para wartawan di majlis rumah terbuka di kediaman Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London, Datuk Salim Hashim semalam.

Dr Mahathir berkata pendirian Malaysia ini jelas dapat dilihat dalam apa yang sedang berlaku di Asia Barat sekarang di mana pencerobohan Israel tidak dianggap sebagai tindakan keganasan sedangkan tindak balas rakyat Palestin ditafsir sebagai keganasan.

"Jadi kalau kita hendak tuduh mana-mana pihak sebagai pengganas, kita harus tafsir apa dia pengganas dan apa dia keganasan. Sesiapa juga yang melakukan keganasan wajar ditafsirkan sebagai pengganas, tidak kira sama ada negara atau individu," kata beliau.

Ditanya sama ada tuduhan yang Malaysia sarang aktiviti pengganas mempunyai apa-apa asas, Perdana Menteri berkata memang wujud tuduhan-tuduhan dan Malaysia tidak menafikan ada rakyatnya yang pergi ke Pakistan dan Afghanistan untuk belajar bagaimana menggulingkan kerajaan dengan keganasan.

"Tetapi tidak ada bukti yang mereka terlibat secara langsung dalam keganasan di negara-negara lain. Kalau ada bukti, kita sanggup mengambil tindakan terhadap mereka. Bahkan kita sudahpun menahan mereka yang terlibat dalam rancangan keganasan yang dapat kita kesan," kata Perdana Menteri lagi.

Dr Mahathir juga memberitahu bahawa hasil lawatannya ke Antartika dan Argentina, Malaysia mungkin menubuhkan pusat penyelidikan saintifik di Antartika kerana perlu membuat kajian mengenai kewujudan sejenis haiwan kecil atau serangga di benua itu yang juga terdapat di Malaysia.

Dr Mahathir berkata kewujudan jenis haiwan kecil itu di Antartika dan Malaysia adalah pelik dan ia perlu diketahui daripada segi saintifik.

"Walaupun Malaysia berada di kawasan tropika tetapi tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh melakukan penyelidikan di situ," katanya.

Menurut Dr Mahathir, beliau pergi ke Antartika untuk melihat keadaan di sana kerana perlu tahu walaupun ternampak tidak ada kena mengena dengan Malaysia.

Beliau berkata banyak negara telah mengadakan penyelidikan dan Malaysia juga sedang mengadakan usaha yang sama.

Beberapa orang saintis Malaysia melakukan penyelidikan menggunakan kemudahan New Zealand dan Australia.

Dr Mahathir memberitahu bahawa beliau pergi ke bahagian penyelidikan Argentina dan telah berjumpa dengan Presiden negara itu untuk mendapatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan.

-- BERNAMA

ZO SHS DC PR